



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

## **TEKS UCAPAN**

**YB HAJAH AIMAN ATHIRAH SABU  
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

## **SEMPENA**

**SIDANG KEMUNCAK KERJA SOSIAL  
KEBANGSAAN 2023**

**“MERAIKAN KERJA SOSIAL DI MALAYSIA:  
MENGHORMATI KEPELBAGAIAN MELALUI  
TINDAKAN SOSIAL BERSAMA”**

**24 OGOS 2023**

**DEWAN INTELEK, INSTITUT SOSIAL MALAYSIA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Terima kasih diucapkan kepada saudara pengacara majlis

**[SALUTASI]**

## **(A) PENDAHULUAN**

**YBhg. Dato-Dato', Datin-datin, Profesor-profesor, Doktor-doktor, tuan-tuan dan puan-puan,**

1. Alhamdulillah, segala puji kepada Allah SWT, atas limpah kurnia dan rahmatNya, kita diberikan kesempatan dan ruang untuk bertemu pada petang ini di Dewan Intelek, Institut Sosial Malaysia (ISM) bersempena **Sidang Kemuncak Kerja Sosial Kebangsaan 2023.**
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada **Institut Sosial Malaysia (ISM) dengan kerjasama Persatuan Pekerja Sosial Malaysia atau *Malaysian Association of Social Workers (MASW)*** atas penganjuran bersama Sidang Kemuncak Kerja Sosial Kebangsaan 2023, sebuah acara yang julung kalinya diadakan di negara ini.

3. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada semua yang sudi meluangkan masa pada hari ni termasuklah **rakan strategik dari Thailand, Filipina dan Indonesia serta wakil United Nations Children's Fund (UNICEF)**. Ucapan penghargaan juga saya tujukan kepada semua panel yang telah berkongsi kepakaran dan pengalaman pada sidang kemuncak ini, para penyelidik, ahli akademik, para pembentang serta para peserta yang telah memberi sumbangan bagi menjayakan persidangan kali ini.

## **(B) TEMA SIDANG KEMUNCAK KERJA SOSIAL KEBANGSAAN**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

4. Saya difahamkan tema Sidang Kemuncak Kerja Sosial Kebangsaan ini adalah sebagaimana tema Hari Kerja Sosial Sedunia 2023 iaitu "**Menghormati Kepelbagaian Melalui Tindakan Sosial Bersama**"

atau ***“Respecting Diversity Through Joint Social Action”***. Ia menjelaskan profesion kerja sosial yang menekankan **prinsip keadilan sosial, hak asasi manusia, tanggungjawab kolektif dan menghormati kepelbagaian dalam menggalakkan perubahan serta pembangunan sosial** tanpa mengira perbezaan latar belakang untuk meningkatkan kefungasian sosial dan seterusnya membawa kepada kesejahteraan hidup.

5. Tema ini, pada hemat saya sangat bertepatan dengan situasi yang sedang kita hadapi pada hari ini di mana masyarakat perlu bergandingan bersama-sama untuk mendepani dan menyelesaikan sesuatu situasi dan cabaran, bekerjasama untuk melakukan perubahan serta memupuk semangat juang dalam memastikan kesejahteraan sosial dan kemakmuran ekonomi negara. Tindakan ini sejajar dengan konsep Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia untuk mengubah Malaysia menjadi negara yang lebih makmur dan

maju berteraskan **6 nilai MADANI** iaitu **kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan**, melalui kepercayaan antara kerajaan dengan rakyat, dasar ketelusan dan kerjasama.

6. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah melaksanakan pelbagai **inisiatif yang proaktif dalam mempromosikan kepelbagaian melalui tindakan sosial bersama** menerusi agensi-agensi yang bernaung di bawah Kementerian seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Lembaga Kaunselor, Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan Institut Sosial Malaysia (ISM). Jabatan dan agensi ini bertindak sebagai barisan hadapan dalam membantu mempertingkatkan kesejahteraan dan ketahanan diri masyarakat melalui pelbagai jenis bantuan serta menjadi sumber rujukan kepada

golongan yang memerlukan bantuan dan sokongan sosial.

7. Saya percaya penglibatan semua pihak baik dari Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, hingga Kerajaan Tempatan, serta sektor swasta dan sektor ketiga (*The Third Sector*) yang merangkumi Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan tidak berteraskan keuntungan (*non-profit*) memainkan **peranan yang amat kritikal dalam pembangunan sosial negara**. Kepelbagaian tindakan serta inisiatif yang diperkenalkan oleh semua pihak perlu dihargai dan diperkukuhkan demi menghasilkan kualiti perkhidmatan yang lebih holistik kepada masyarakat.

### **(c) PROFESION KERJA SOSIAL**

8. Perubahan besar sedang dialami dunia di mana terdapat peningkatan pengiktirafan yang signifikan terhadap kepentingan praktis kerja sosial yang profesional bagi memenuhi keperluan klien yang

semakin kompleks dan dinamik. Justeru, KPWKMM telah membuat persediaan bagi menangani cabaran-cabaran sosial akibat urbanisasi dan globalisasi yang berlaku dengan meningkatkan profesionalisme dan kompetensi pegawai-pegawainya dalam menyampaikan perkhidmatan. **Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial sedang digubal** bagi tujuan meningkatkan profesionalisme dalam bidang kerja sosial dan mengiktiraf pekerja sosial di negara ini melalui pendaftaran di bawah satu badan kawal selia profesion.

9. Dalam usaha untuk memartabatkan kerja sosial di negara ini, KPWKMM melalui ISM sedang menyediakan Kertas Memorandum Jemaah Menteri untuk menjadikan ISM sebagai sebuah **Agensi Peneraju Latihan Dalam Bidang Kerja Sosial Malaysia**. Sehubungan itu, ISM akan menjadi sebuah pusat kecemerlangan bagi pengendalian latihan, program peningkatan kompetensi, kajian,



penyelidikan dan pembangunan professional berterusan dalam bidang kerja sosial.

- 10. Usaha ke arah menyediakan pekerja sosial dan pengamal sosial yang profesional juga telah dilakukan melalui aspek latihan.** Institut Sosial Malaysia (ISM) sebagai satu-satunya pusat latihan dalam bidang kerja sosial di negara ini yang ditempatkan di bawah KPWKM telah menawarkan lebih kurang 40 jenis kursus jangka pendek dan sederhana dalam bidang kerja sosial sejak ia ditubuhkan pada tahun 2002. Sehingga hari ini, ISM telah berjaya melatih hampir 5,000 orang pegawai dan kakitangan JKM dalam pelbagai jenis kursus kerja sosial. Ilmu dan kemahiran dari bidang kerja sosial ini telah digunakan oleh JKM dalam merancang, membangun dan melaksanakan perkhidmatan-perkhidmatan kebajikan bagi pelbagai kumpulan sasaran yang memerlukan bantuan.

11. Bagi menyemarakkan **inisiatif *care economy* negara**, KPWKM juga sedang meneroka cara baru untuk menangani keperluan penjagaan yang kebanyakannya diterajui oleh wanita dalam melaksanakan tanggungjawab penjagaan keluarga mereka secara teratur di samping terus kekal dalam tenaga kerja. Oleh itu, ISM akan menyediakan **program latihan yang berstruktur bagi melatih para penjaga (*caregivers*)** dalam bidang penjagaan dan pengurusan kepada warga emas, orang kurang upaya, kanak-kanak dan pesakit terlantar.
  
12. Tidak dilupakan juga **Persatuan Pekerja Sosial Malaysia atau *Malaysian Association of Social Workers (MASW)*** yang diwujudkan pada tahun **1973** untuk memperjuangkan profesion kerja sosial di negara ini. KPWKM sentiasa bekerjasama dengan MASW dalam pelbagai program dan kursus serta pembangunan modul-modul latihan bagi memperkenalkan dan mempertingkatkan bidang kerja sosial. Tahniah MASW yang baru sahaja

menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-50 malam tadi.

13. Perancangan dan persediaan KPWKM untuk menjadikan kerja sosial satu profesion bertaraf profesional, adalah selari dengan deklarasi yang telah dimeterai oleh Malaysia pada tahun 2020 di peringkat negara-negara ASEAN untuk mengukuhkan perkhidmatan kerja sosial sepertimana yang dinyatakan di dalam ***Ha Noi Declaration on Strengthening Social Work Towards Cohesive and Responsive ASEAN Community***.
14. Saya berasa gembira dan bersyukur kerana usaha-usaha KPWKM meningkatkan profesionalisme kerja sosial dalam negara sentiasa mendapat **sokongan teknikal yang padu daripada** pasukan ahli akademik yang berada di dalam **Jawatankuasa Bersama Pendidikan Kerja Sosial Kebangsaan, Institusi Pengajian Tinggi Malaysia**, yang terdiri daripada USM, UUM, UKM, UM, UNIMAS, UMS,

UNISZA dan **Persatuan Pekerja Sosial Malaysia** sebagai rakan strategik utama KPWKM terutamanya dari segi perkongsian input berkaitan latihan, peningkatan kemahiran, pembangunan dasar dan pelaksanaan program serta penyediaan perkhidmatan. Kesemua penglibatan aktif ini akhirnya dapat dilihat melalui terjemahan usaha dan inisiatif serta semangat yang tinggi melalui penggubalan Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial. Adalah menjadi harapan saya agar kerjasama strategik ini akan berterusan dan dipertingkatkan lagi untuk membawa kemajuan kepada praktis kerja sosial dalam negara kita.

**(D) PENGANJURAN SIDANG KEMUNCAK KERJA**  
**SOSIAL KEBANGSAAN**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

15. Saya mengambil kesempatan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua panel yang telah berkongsi pengalaman, pandangan serta idea bagi menetapkan hala tuju profesion kerja sosial di

Malaysia. Kita sangat beruntung dapat mendengar **perkongsian pakar-pakar kerja sosial ini dalam ruang lingkup perkhidmatan sosial masing-masing**. Saya percaya isu dan cabaran yang dihadapi hari ini dalam memartabatkan profesion kerja sosial telah dibincangkan dan dikupas dengan mendalam oleh kesemua panel. *I would like to take this opportunity to thank all speakers from ASEAN Countries for your contributions towards this summit. It is my sincere hope that this summit will not only serve as a platform for participants to discuss and exchange ideas but also provides practical experiences and learning with regards to current issues on social development.*

16. Dengan itu, saya amat mengalu-alukan **resolusi sidang kemuncak ini yang merangkumi cadangan-cadangan yang berkait dengan halatuju, latihan dan *universal best practice* dalam praktis kerja sosial**. Pendekatan *evidence-based practice* ini amat penting untuk meningkatkan profesionalisme dan kompetensi pekerja sosial

menerusi kerjasama antara Persatuan Pekerja Sosial Malaysia sebagai Badan Bukan Kerajaan, ISM sebagai institut latihan perkhidmatan sosial, universiti dan juga pakar-pakar kerja sosial di peringkat antarabangsa.

17. Mudah-mudahan segala usaha yang telah dirancang oleh KPWKM dapat memantapkan profesionalisme kerja sosial dan seterusnya memartabatkan kerja sosial sebagai satu profesion yang kompeten dan disanjung tinggi oleh masyarakat.

**(F) PENUTUP**

18. Sekali lagi syabas diucapkan kepada Institut Sosial Malaysia dan Persatuan Pekerja Sosial Malaysia di atas kejayaan menganjurkan sidang kemuncak kali ini sebagai satu usaha untuk memartabatkan bidang kerja sosial di negara ini.

19. Dengan lafaz suci; “Bismillahirrahmanirahim”, saya dengan ini merasmikan “**Majlis Perasmian Penutup Sidang Kemuncak Kerja Sosial Kebangsaan 2023**”.

*Wabillahi taufiq walhidayah*

*Wassalamualaikum warahmatullahi*

*Wabarakatuh.*

**YB HAJAH AIMAN ATHIRAH BINTI SABU  
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT  
24 OGOS 2023**